



Harian Metro 13/06/2010 NYS
RASMI...Liow memukul gong tanda perasmian Kongres Pelancongan Kesihatan 2010, semalam. 12

Tingkat prasarana hospital tarik pelancong perubatan

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan giat meningkatkan prasarana hospital swasta dan pusat perubatan bagi menarik lebih ramai pelancong perubatan mendapatkan rawatan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, pihaknya sudah mengenalpasti 35 hospital swasta untuk memastikan promosi ini mencapai matlamatnya.

"Kita mahu hospital swasta meningkatkan kapasiti kemudahan hospital seperti menambah bilangan katil bagi menampung permintaan yang memberangsangkan," katanya ketika merasmikan Kongres Pelancongan Kesihatan 2010 di Pu-

sat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Di samping itu, kementerian juga melancarkan Malaysian HealthCare Travel Council (MHTC) bagi mempromosikan dan membangunkan industri pelancongan kesihatan.

"MHTC dilancarkan Disember tahun lalu bagi mengembangkan industri pelancongan kesihatan negara.

"Kami menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Hospital Swasta (APH), Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Persatuan Pergigian Malaysia, fasilitator pelancongan kesihatan dan beberapa badan kerajaan lain dalam usaha meningkatkan jumlah pelancong perubatan," katanya.